

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Syair Nasihat Penghujung Thamarat al-Muhimmah**

- |  |  |
|--|--|
| <p>1 Tamatlah kitab dikarang orang,<br/>akalnya pendek ilmunya kurang,<br/>daripada sangat hajatku gerang,<br/>diperbuat juga sebarang-barang.</p> <p>2 Melepaskan hati yang terbuku,<br/>pengajaran kepada sekalian anakku,<br/>mudah-mudahan betul tingkah dan laku,<br/>perangai yang baik biar terpaku,</p> <p>3 Dengarkan tuan ayahanda berperni,<br/>kepada anakanda muda bestari,<br/>nasihat kebajikan ayahanda beri,<br/>amalkan jangan malas dan ngeri.</p> <p>4 Ayuhai anakanda muda remaja,<br/>jika anakanda menjadi raja,<br/>hati yang betul hendak disahaja,<br/>serta rajin pada bekerja.</p> | <p>5 Kerja kebajikan janganlah malas,<br/>zahir dan batin janganlah culas,<br/>jernihkan hati hendaklah ikhlas,<br/>seperti air di dalam gelas.</p> <p>6 Menuntut ilmu janganlah segan,<br/>ilmu yang benar jangan yang bukan,<br/>iaitu, ilmu yang kebajikan,<br/>di kitab ini sudah disebutkan.</p> <p>7 Hendaklah anakanda mengaji selalu,<br/>dari yang lain lebihkan dulu,<br/>had syarak <i>jangan dilalu</i>,<br/>tidaklah anakanda beroleh malu.</p> |
|--|--|
- Dipetik daripada “Syair Nasihat Penghujung Thamarat al-Muhimmah”,  
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

1 Berdasarkan syair, rangkai kata *jangan dilalu* bermaksud

- A biar dijaga.                      C usah dilanggar.  
B baik diterima.                  D tidak dihalang.

Mentafir (Aras R)

2 Menuntut ilmu janganlah segan,  
ilmu yang benar jangan yang bukan,

Nyatakan kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A Ilmu pelita hati  
B Bahasa menunjukkan bangsa  
C Kehidupan memerlukan pengorbanan  
D Yang lahir memperlihatkan yang batin

Mentafir (Aras R)

3 Apakah persoalan yang terdapat dalam rangkap kelima syair ini?

- A Orang yang baik memiliki hati yang bersih.  
B Kebaikan seseorang itu dinilai dari segi zahir dan batinnya.

C Keikhlasan seseorang itu dapat dilihat ketika dia menuang air di dalam gelas.

D Kerja kebajikan harus dilakukan dengan penuh keikhlasan.

Memahami; Menganalisis (Aras S)

4 Berdasarkan rangkap ketiga syair ini, ayah menasihati anaknya agar

- A bertindak dengan betulnya.  
B rajin berbuat kebajikan.  
C tidak bersikap malas.  
D menjadi insan berakhlak mulia.

Memahami; Menganalisis (Aras S)

5 Yang berikut merupakan pernyataan yang benar berdasarkan syair **kecuali**

- A penyair telah tamat mengarang kitab.  
B ayah berharap agar anaknya akan menjaga tingkah laku.  
C anaknya masih muda dan sudah menjadi raja.  
D ayah menasihati anaknya agar rajin mengaji.

Menganalisis; Menyusun (Aras T)